


THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2022: UNIMAS disenarai 1201+ dunia



Kota Samarahan : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah tersenarai di dalam 2022 *Times Higher Education (THE) World University Rankings*. UNIMAS diletakkan berada pada kedudukan 1201+ dari keseluruhan 1662 universiti yang layak dinilai di seluruh dunia.

Keputusan ini diumumkan oleh pihak *THE* yang berpangkalan di London, United Kingdom pada 2 September 2021. Penyenaraian UNIMAS dalam *World University Rankings* tahun 2022 ini adalah yang keempat berturut-turut sejak mula disenaraikan pada 2019.

Dalam kenyataan yang diterbitkan di laman sesawangnya, *THE* menyebut sebanyak 1662 universiti layak berada dalam senarai tahun ini. Sebanyak 452 universiti pula telah disenaraikan dengan status sebagai "reporter" yang bermakna bahawa mereka telah memberikan data tetapi tidak memenuhi kriteria kelayakan.

Pihak *THE* telah menganalisis lebih dari 108 juta petikan (citation) di lebih daripada 14.4 juta pener-

-bitan penyelidikan dan merangkumi respon tinjauan dari hampir 22,000 sarjana seluruh dunia. Menurut *THE* lagi, universiti yang telah menerbitkan penyelidikan sains perubatan berkaitan dengan Covid-19 telah dilihat mendapat impak peningkatan yang ketara dalam citation mereka.

Ini adalah pembuktian pertama bahawa penyelidikan universiti mengenai virus tersebut memberi kesan kepada ranking. Jadual penarafan edisi 2022 telah menggunakan data penyelidikan yang diterbitkan antara 2016 dan 2020 dan citation yang dibuat antara 2016 dan 2021.

Pencapaian UNIMAS pula menunjukkan peningkatan dalam kesemua indikator yang dinilai. UNIMAS telah memperolehi 48.7 markah bagi *International Outlook* mele过si *global median score* 42.3 markah menjadikan ianya indikator terkuat UNIMAS untuk berada pada kedudukan 657 dunia.

Tiga lagi indikator UNIMAS masih belum mele过si *global median score* walaupun ketiga-tiganya menunjukkan peningkatan dari tahun sebelumnya.


UNIMAS Adakan Audit Dalaman QMS dan ISMS Secara Hybrid

Kota Samarahan : Pasukan Audit Dalaman UNIMAS telah menjalankan audit dalam bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013.

Sesi audit dalaman QMS telah dijalankan pada 2-20 Ogos 2021 manakala ISMS pada 1-10 September 2021. Kedua-dua audit telah dijalankan secara hybrid berikutkan kekangan penyebarluasan kejadian sijil.

Bagi audit QMS, 8 kumpulan Pasukan Audit Dalaman (KPAD) terdiri dari 21 Juruaudit telah dilantik bagi menjalankan audit di 7 PTJ berdasarkan skop pelaksanaan persijilan.

Sementara itu, bagi audit ISMS seramai 11 orang Juruaudit telah terlibat menjalankan audit yang melibatkan skop pelaksanaan persijilan iaitu pendaftaran pelajar semasa, pendaftaran kursus, penjanaan keputusan penilaian dan penyediaan sijil.



Ketua Strategi Fakulti Hadiri THE Reputation Masterclass APAC

Kota Samarahan : Ketua Turut serta ialah Pengarah Strategi Fakulti telah berpeluang mengikuti THE Reputation Masterclass APAC pada 25 Ogos 2021 anjuran Times Higher Education (THE).

Taklimat atas talian telah dipengerusikan oleh Simone Diliberto, President-APAC, THE Australia manakala taklimat dijalankan oleh Duncan Ross, Chief Data Officer, THE London.

Sesi ini dianggap sangat bermafaat terutama sekali kepada Ketua Strategi Fakulti dalam memahami secara mendalam metodologi yang digunakan selain proses pengumpulan data untuk tujuan penarafan.



Operasi Nyahcemar Pejabat SQRC

Kota Samarahan : Berikut pengesanan beberapa kes positif Covid-19 melibatkan staf di Bangunan Canselor baru-baru ini, pihak SQRC telah mengambil inisiatif kendiri menjalankan proses nyahcemar di ruang pejabat SQRC.




Operasi nyahcemar dijalankan pada 3 September 2021 dengan kaedah *disinfection fogging* melibatkan keseluruhan ruang pejabat am, bilik mesyuarat dan bilik fail. Staf SQRC turut bekerjasama memastikan ruang bekerja masing-masing sentiasa dibersihkan dengan pembasmi kuman secara berkala.

Usaha ini diharap dapat memastikan keselamatan dan kesihatan semua staf selain pematuhan kepada SOP sedia ada seperitimana yang diwar-warkan.

Perbincangan THE WUR 2022 Results

Kota Samarahan : Pihak pengurusan SQRC telah mengadakan perbincangan dalam susulan pengumuman keputusan THE World University Rankings 2022 pada 3 September 2021.



Perbincangan ini adalah sebagai rutin *post mortem* setiap kali sesuatu ranking diumumkan bagi mengenalpasti dan menganalisa keputusan keseluruhan yang telah diumumkan.



Kesemua Staf SQRC Kini Lengkap Dua Dos Vaksin

Kota Samarahan : Dalam menyahut seruan bagi mencapai imuniti kelompok (herd immunity), kesemua staf SQRC kini dilaporkan telah lengkap menerima dua dos vaksin.

Kira-kira 75% staf SQRC telah menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega UNIMAS manakala selebihnya menerima vaksin di PPV luar yang turut menyediakan perkhidmatan berkenaan.



Dalam pada itu, Jawatankuasa Covid-19 UNIMAS dalam satu kenyataan menyebut semua pelaksanaan usaha pengawalan pandemik di UNIMAS akan diteruskan.

Pelaksanaan langkah-langkah strategik bagi mengawal dan mengoptimalkan penjagaan kesihatan staf dan pelajar di seluruh kampus akan diteruskan.

Namun begitu, kesemua usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak dengan pematuhan kepada SOP ketat yang dikuatkuasakan bagi semua PTJ. Semua pihak digesa memberi perhatian serius agar SOP berkenaan dapat diamalkan sepenuhnya.

UNIMAS Sertai Bengkel Polisi Pengintergrasian dan Tadbir Urus Data KPT

Kota Samarahan : Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menjalankan bengkel Polisi Pengintergrasian dan Tadbir Urus Data pada 1 September 2021.

Skop polisi ini merangkumi semua entiti dalam ekosistem KPT. Projek oleh UKM ini telah dibentang untuk mendapatkan input dan menambahbaik polisi, kerangka dan prototaip.



Bengkel atas talian melalui aplikasi Microsoft Teams disertai hampir 30 wakil-wakil Universiti Awam (UA). UNIMAS telah diwakili Pengarah dan Timbalan Pengarah (Strategik) SQRC.

Di antara kekangan dalam pengendalian data pada masa ini ialah data-data yang berada dalam sistem yang pelbagai dan bertindan lapis, dikongsi secara kelompok dan tidak terintegrasi secara masa nyata selain kualiti data yang tidak terjamin akibat tadbir urus berkaitan data yang kurang diberi perhatian.

Info Covid-19

comms@moh

COVID-19 boleh merebak apabila anda menyentuh objek atau permukaan yang tercemar dengan virus dan selepas itu menyentuh mata, hidung atau mulut anda. Kerap cuci tangan menggunakan air dan sabun atau gunakan hand sanitizer dengan cara yang betul.

comms@moh

Info Covid-19

comms@moh

Varian Delta boleh merebak dengan lebih cepat kerana kadar kebolehjangkitannya sangat tinggi, antara 5 hingga 8. Pakai pelitup muka, jaga jarak fizikal dan elak 3S/3C.

comms@moh

31 Ogos 2021

SELAMAT MENYAMBUT

HARI KEBANGSAAN

Malaysia

Ke-64

UNIMAS

MALAYSIA PERHUTIN

Malaysia MENANG BERSAMA

SQRC

UNIMAS

Selamat

HARI MALAYSIA

16 September 2021

Ikhlas daripada warga:

SQRC

Kalendar Aktiviti



Ogos 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Perbincangan KPI (SF1 KPI9)	PKP	9/8/2021
2	Perbincangan Laporan Pengurusan Risiko	Unit Pengurusan Risiko	16/8/2021
3	Audit Dalaman ISO 9001:2015	Mesyuarat Kemasukan Audit (<i>Entrance Audit</i>)	17/8/2021
4	THE WUR 2021 Reputation	Reputation Masterclass	25/8/2021
5	Mesyuarat JK ISMS	Bil.03/2021	27/8/2021

September 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Audit Dalaman ISO/IEC 27001:2013 ISMS	Mesyuarat Kemasukan Audit (<i>Entrance Audit</i>)	1/9/2021
2	Audit Dalaman ISO/IEC 27001:2013 ISMS	Sesi Auditan	1-10/9/2021
3	Sesi Perbincangan Polisi Perkongsian Data	KPM & UA	1/9/2021
4	THE Impact Rankings 2022	Participation Masterclass	14/9/2021
5	Mesyuarat Pentadbiran SQRC	Bil. 02/2021	17/9/2021
6	Mesyuarat JKPR	Bil. 02/2021	22/9/2021